

12/10/2001

Rakyat Malaysia tidak perlu panik

Wan Hazmir Bakar; Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, tidak ada sebab bagi rakyat negara ini menjadi panik atau bimbang dengan laporan media asing yang mendakwa kemungkinan Malaysia menjadi sasaran seterusnya Amerika Syarikat dalam serangan menentang pengganas.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak memberi penilaian tinggi terhadap laporan media Amerika yang mengatakan Malaysia adalah pangkalan pengganas dan menjadi sasaran Amerika pada masa akan datang.

"Tidak ada sebab untuk kita panik...Ini adalah satu laporan akhbar New York Times yang kononnya ada seorang pegawai Amerika cakap.

"Tetapi saya tidak beri nilai tinggi kepada laporan itu kerana akhbar berkenaan cuba mensensasikan macam-macam berita," katanya kepada pemberita di Lobi Parlimen di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai kesahihan laporan akhbar New York Times Rabu lalu mengenai kemungkinan Malaysia, Filipina dan Indonesia menjadi sasaran seterusnya perang menentang keganasan.

Laporan itu memetik pegawai Amerika sebagai berkata, ketiga-tiga negara ini mempunyai rangkaian hubungan pertubuhan dan sekutu Osama bin Laden dan berkemungkinan menjadi sasaran Amerika seterusnya.

Sebelum itu, ketika menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Sarit Yusoh (BN-Temerloh) di Dewan Rakyat, Abdullah berkata jika laporan itu dikeluarkan Jabatan Setiausaha Negara atau Jabatan Pertahanan Amerika atau daripada Majlis Keselamatan, maka ia dianggap serius dan perlu diberi perhatian.

Bagaimanapun, beliau berkata jika laporan itu benar, ini menunjukkan mereka tahu dan mempunyai maklumat mengenai negara ini dan mereka perlu memberitahu kepada Malaysia maklumat yang mereka ada.

Ditanya sama ada kerajaan akan mendapatkan penjelasan dari pihak Kedutaan Amerika di sini, beliau berkata:

"Mengikut prosedur, bila timbul perkara begini, Wisma Putra akan cepat-cepat ambil tindakan untuk mendapatkan maklumat. Saya percaya kementerian itu tentu mahu mendapatkan penjelasan dari Amerika sendiri."

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, Amerika sepatutnya menyalurkan maklumat yang ada mengenai kegiatan pengganas itu kepada kerajaan supaya Malaysia boleh bekerjasama dalam mengambil tindakan sewajarnya.

"Jika Amerika ada maklumat yang dia tahu kesahihannya, eloklah dia sampaikan kepada kita supaya kita boleh bantu untuk mengenal pasti siapakah yang terbabit dan yang dikatakan pengganas," katanya.

Beliau berkata, pendirian Malaysia mengenai keganasan sudah jelas dinyatakan bukan saja di dalam akhbar, malah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri sudah memaklumpkannya kepada Presiden George W Bush.

(END)